

## **BAB EMPAT**

### ***ADAB AL-RIYĀDAH WA AL-ISTIṢLĀḤ* DALAM PEMBANGUNAN MODAL**

#### **INSAN MENURUT AL-MĀWARDĪ**

#### **4.0 PENDAHULUAN**

Bab ini memberi tumpuan kepada analisis berkaitan *adab al-riyādah wa al-istiṣlāḥ* dalam pembangunan modal insan menurut al-Māwardī. Enam fasal yang telah dihuraikan di dalam bab tiga yang terkandung di dalam *adab al-riyādah wa al-istiṣlāḥ* dilihat mempunyai hubungan dalam usaha pembangunan modal insan dari sudut rohani. Walau bagaimanapun, perbincangan berkaitan teori akhlak menurut al-Māwardī akan turut dikaitkan secara ringkas kerana ia mempunyai perkaitan dengan pembentukan akhlak melalui pembangunan rohani.

#### **4.1 PEMBANGUNAN MODAL INSAN MELALUI PEMBANGUNAN KEROHANIAN MENURUT AL-MĀWARDĪ**

Pembangunan unsur dalaman atau kerohanian insan merupakan tunggak terpenting di dalam pembangunan modal insan yang bertujuan melahirkan insan yang terpelihara hubungan dengan Penciptanya, hubungan sesama insan serta alam sekeliling. Pembangunan kerohanian ini merupakan medium utama dalam usaha pembentukan akhlak yang berkait rapat dengan usaha pembangunan modal insan yang memberi manfaat serta mempunyai perwatakan dan tingkah laku yang baik dan terpelihara.

Al-Māwardī pada asasnya telah mengetengahkan teori berkenaan akhlak merujuk kepada proses dalaman yang berlaku di dalam jiwa manusia yang menyebabkan terhasilnya suatu perbuatan. Menurut pandangannya, akhlak manusia itu tidak semuanya baik dan tidak

semuanya buruk dan untuk menyempurnakan akhlak ini ianya perlu diisi dengan akhlak yang baik dan berusaha mengosongkannya daripada akhlak buruk.<sup>1</sup> Berdasarkan penghuraian beliau berkaitan teori akhlak ini, al-Māwardī telah meletakkan suatu perbincangan berkaitan aspek akhlak atau adab berkenaan *al-nafs* yang dibahasakan di dalam *Adab al-Dunyā wa al-Dīn*. Perbincangan ini merujuk kepada pembangunan kerohanian dalam membentuk insan yang berakhlak mulia dan terpuji melalui adab yang boleh dilatih menjadi suatu kebiasaan bagi setiap individu yang telah meningkat dewasa. Salah satu adab tersebut ialah *adab al-riyāḍah wa al-istiṣlah* yang merujuk kepada suatu keadaan yang seiring dengan akal dan orang yang berakal tidak akan berselisih pendapat mengenai kebaikan dan keburukannya, malah ia turut mempunyai dalil dan alasan yang kuat kerana jiwa manusia juga secara fitrahnya dapat menerima adab-adab tersebut kerana Allah telah mengilhamkan petunjuk dan kebenaran kepadanya.<sup>2</sup>

Berkenaan dengan *adab al-riyāḍah wa al-istiṣlah* ini, kebaikan dan keburukan akhlak yang dibincangkan adalah berkenaan akhlak *mahmūdah (faḍā'il)* dan juga akhlak *madhmūmah (radhā'il)*. Dalam hubungan pembangunan kerohanian dengan akhlak Islam, kedua-dua akhlak ini merupakan proses menjadikan seseorang itu berakhlak mulia dengan mengamalkan akhlak *mahmūdah* dan meninggalkan akhlak *madhmūmah*. Kedua-dua proses ini penting dalam usaha penyucian jiwa untuk membangunkan modal insan yang direndhai oleh Allah dan dikasihi oleh manusia.

---

<sup>1</sup> Al-Māwardī (1981), *Taṣhīl al-Nazar wa Ta'jīl al-Zufr*, Beirut: Dār al-Nahḍah al-'Arabiyyah, h. 6.

<sup>2</sup> Al-Māwardī (1986), *Kitāb Adab al-Dunyā wa al-Dīn*, Beirut: Dār Maktabah al-Ḥayāh, h. 233, 234.

#### **4.1.1 Pembangunan Kerohanian Dan Hubungannya Dengan Pembentukan Akhlak Menurut Al-Māwardī**

Akhlak dalam Islam merupakan suatu yang sangat penting kerana ia memberi sumbangan yang teramat besar dalam pembangunan modal insan. Permulaan sesebuah masyarakat dan tamadun yang berjaya bermula daripada pembangunan modal insan yang cemerlang bukan sahaja dari sudut ilmu tetapi yang lebih penting ialah akhlak dan pekerti insan. Ini kerana, insan yang berakhlak dan berbudi pekerti yang mulia merupakan tunggak sesebuah masyarakat.

Tokoh yang dibincangkan di dalam kajian ini iaitu al-Māwardī mempunyai sumbangan dalam khazanah ilmunya yang mana beliau turut membincangkan mengenai pendidikan akhlak. Walaupun terma pembangunan modal insan tidaklah disebut sebagai suatu istilah di dalam karya beliau, apa yang dibincangkan merupakan antara kriteria yang perlu ada dalam usaha pembangunan modal insan dari aspek kerohanian yang dijana melalui aspek pembentukan akhlak menurut perspektif Islam. Proses pembentukan akhlak menurut al-Māwardī adalah melalui proses pendidikan akhlak yang diterapkan melalui kaedah yang telah disarankan oleh beliau di dalam *adab al-nafs*.

Al-Māwardī yang mengemukakan definisi akhlak telah menyatakan bahawa ia adalah suatu naluri tersembunyi dalam diri yang perlu dizahirkan dengan ikhtiar dan perlu digagahi dan dipaksa.<sup>3</sup> Ia turut melibatkan aspek dalaman yang perlu diusahakan supaya natijahnya menjadi suatu perbuatan yang baik. Oleh itu, akhlak menurut pandangan beliau dapat disimpulkan sebagai suatu perbuatan baik hasil dari akhlak baik yang telah terdidik di

---

<sup>3</sup> Al-Māwardī (1981), *op.cit.*, h. 5.

dalam jiwa seseorang dan perbuatan tersebut tidak akan lahir tanpa usaha dan kehendak yang kuat untuk menghasilkannya.

Dalam usaha pendidikan dan pembentukan akhlak, al-Māwardī terlebih dahulu membicarakan pembahagian akhlak yang terdiri daripada dua perbincangan utama iaitu *akhlāq al-dhāt* dan *af'āl al-irādah*. Kedua-duanya ini saling berkaitan antara satu dengan yang lain kerana *akhlāq al-dhāt* adalah suatu fitrah yang merupakan tempat lahirnya akhlak itu sendiri dan *af'āl al-irādah* pula yang melahirkan punca keinginan sesuatu *faḍā'il* mahupun *radhā'il*. Dalam hal ini, *af'āl al-irādah* mempunyai sebab pencetus iaitu *al-'aql* dan *al-ra'y* yang mendorong pembentukan *faḍā'il*, dan *al-hawā* yang mendorong pembentukan *radhā'il*.<sup>4</sup> Justeru perbincangan mengenai *akhlāq al-dhāt* mahupun *af'āl al-irādah* yang menghasilkan pembentukan *faḍā'il* mahupun *radhā'il* ini adalah melibatkan suatu proses yang terjadi di dalam diri setiap individu. Malah al-Māwardī juga berpandangan bahawa setiap manusia telah tersedia mempunyai akhlak yang tidak kesemuanya baik dan tidak pula kesemuanya buruk.<sup>5</sup>

Di sini, ia mempunyai perkaitan dengan pembahagian akhlak kepada *gharīzah* dan *muktasabah* yang mana *gharīzah* dirujuk oleh al-Māwardī kepada akhlak yang telah tersedia sebagai fitrah manusia, manakala *muktasabah* pula dilihat sebagai pembentukan sesuatu akhlak melalui jalan usaha iaitu merujuk kepada usaha membentuk akhlak yang baik di dalam diri melalui kebiasaan dan latihan.<sup>6</sup> Dalam hal ini, al-Māwardī menekankan *muktasabah* merupakan proses yang penting dalam pembentukan akhlak. Ia dibuktikan melalui kenyataan beliau di dalam permulaan *adab al-nafs* bahawa jiwa manusia dibentuk

---

<sup>4</sup> *Ibid.*, h. 6-23.

<sup>5</sup> *Ibid.*, h. 6.

<sup>6</sup> *Ibid.*, h. 9-10.

atas dasar kebiasaan iaitu perilaku yang biasa dilakukan. Malah untuk meraih akhlak yang terpuji perlu kepada proses *ta'dīb* dan tidak mencukupi dengan *tahdhīb* semata-mata. Selain itu, proses *ta'dīb* atau pendidikan tidak boleh diserahkan kepada akal semata-mata kerana kebanyakan adab diusahakan dengan jalan pengalaman atau diperbaiki dengan kebiasaan serta latihan.<sup>7</sup>

Justeru itu, proses pendidikan akhlak pada pandangan beliau boleh dipecahkan kepada dua bahagian iaitu pertama, pendidikan ibu bapa kepada anak-anak sejak kecil; dan kedua, pelaziman seseorang ketika meningkat umur dewasa dan tua.<sup>8</sup> Kedua-dua bahagian pendidikan ini melibatkan pendidikan “kebiasaan dan latihan” supaya ianya menjadi sesuatu yang mudah untuk dilaksanakan. Berdasarkan kepada kenyataan bahawa akhlak boleh diusahakan pembentukannya supaya menjadi lebih baik, al-Māwardī telah memberi penekanan kepada pendidikan akhlak kepada anak-anak oleh kedua ibu bapa sejak di awal usia lagi.<sup>9</sup>

Walaupun begitu, al-Māwardī tidak menerangkan secara khusus mengenai pendidikan akhlak yang sepatutnya diterapkan di dalam diri setiap anak-anak oleh kedua ibu bapa. Apa yang dapat difahami bersandarkan hujah yang dikemukakan oleh beliau ialah kepentingan mendidik akhlak yang mulia kepada anak-anak sejak kecil supaya ia menjadi sehati dan tidak mudah lupa dengan kebiasaan yang diajarkan kepada mereka apabila telah dewasa. Selain itu juga pendidikan anak-anak ini harus disegerakan sebelum mereka

---

<sup>7</sup> Al-Māwardī (1986), *op.cit*, h. 231.

<sup>8</sup> *Ibid.*, h. 233.

<sup>9</sup> *Ibid.*

meningkat dewasa kerana kesibukan dan perpisahan ketika anak-anak telah dewasa akan menjadi penghalang utama proses pendidikan ini dari terus berjalan.<sup>10</sup>

Berdasarkan penghujahan al-Māwardī bahawa kesukaran akan timbul sekiranya permulaan pendidikan akhlak ini tidak dibiasakan sejak kecil menunjukkan bahawa besarnya peranan ibu bapa untuk berusaha memberi pendidikan akhlak kepada anak-anak pada usia awal mereka. Apa yang ingin ditonjolkan dari sudut kepentingan mengawali pendidikan akhlak ini ialah anak-anak tersebut akan membesar dengan kebiasaan dan latihan konsisten berakhlak mulia sehingga tertanam kukuh dalam jiwa mereka, lalu membesar sebagai insan berakhlak mulia kerana ia merupakan kelangsungan pendidikan yang diterima.

Walau bagaimanapun, pada pandangan al-Māwardī pembentukan akhlak dalam kalangan orang dewasa masih boleh diusahakan dan dilatih melalui dua jenis adab. Salah satunya ialah *adab al-riyāḍah wa al-istiṣlah* yang menjadi topik perbincangan di dalam kajian ini yang dikaitkan dengan usaha pembangunan modal insan khususnya melalui pembangunan kerohanian.

## **4.2 PEMBANGUNAN MODAL INSAN MELALUI ADAB AL-RIYĀḌAH WA AL-ISTIṢLAḤ MENURUT AL-MĀWARDĪ**

---

<sup>10</sup>Al-Māwardī telah mendatangkan sebuah Hadith bahawa Rasulullah s.a.w. telah bersabda mafhumnya: “Tiada perkara yang mulia yang diberikan oleh seorang bapa kepada anaknya melainkan adab yang baik”. Lihat al-Naysābūrī, al-Imām al-Ḥāfiẓ Abī ‘Abd Allah al-Hākīm (1997), *al-Mustadrak ‘alā al-Ṣaḥīḥayn*, “Kitāb al-Adab”, no. Hadith 7760, jil. 4, Kaherah: Dār al-Ḥaramayn li Al-Ṭibā‘ah wa al-Nashr wa al-Tawzi`, h. 396.

Secara umumnya, sebagaimana tokoh-tokoh akhlak Islam lain yang telah meletakkan perbincangan berkaitan pembentukan akhlak melalui karya mereka, maka begitu jugalah dengan al-Māwardī yang telah membahaskannya dalam karyanya *Adab al-Dunyā wa al-Dīn*. Perbincangan ini dikhususkan di dalam bab *adab al-nafs* yang telah dihurai melalui dua jenis adab yang boleh dilatih supaya sehati di dalam diri seseorang. Salah satu darinya dibentuk oleh suatu keadaan yang seiring dengan akal dan orang yang berakal tidak akan berselisih pendapat mengenai kebaikan dan keburukannya iaitu *adab al-riyāḍah wa al-istiṣlah*. Hal ini kerana, kesemua jenis akhlak yang termasuk di dalam kategori ini mempunyai alasan dan dalil yang kuat, malah jiwa manusia juga dapat menerima kebaikan dan keburukannya.<sup>11</sup>

Pembangunan kerohanian ini melibatkan aspek jiwa manusia yang telah diilhamkan oleh Allah dengan jalan kefasikan dan ketaqwaan.<sup>12</sup> Pembangunan kerohanian dalam pembentukan akhlak Islam adalah melalui suatu proses yang diistilahkan sebagai *tazkiyah al-nafs* iaitu proses penyucian jiwa. Ia merupakan suatu proses yang terpenting untuk membangunkan insan berakhlak mulia dan terpuji serta bersih dari akhlak keji. Proses *tazkiyah al-nafs* ini merangkumi penyingkiran akhlak *madhmūmah* serta pengisiannya dengan akhlak *mahmūdah*.<sup>13</sup> Perkara yang dibawa oleh al-Māwardī dalam pelaziman akhlak melalui *adab al-riyāḍah wa al-istiṣlah* secara keseluruhannya adalah melibatkan proses *tazkiyah al-nafs*. Oleh itu, dapat difahami bahawa proses *tazkiyah al-nafs* ini pada hemat beliau amat penting dalam usaha pembangunan modal insan yang berpotensi

---

<sup>11</sup> *Ibid.*, h. 234.

<sup>12</sup> Jiwa manusia telah diilhamkan dengan jalan kefasikan dan ketaqwaan sebagaimana firman Allah Taala di dalam Surah al-Shams 91:8.

<sup>13</sup> Zakaria Stapa (2012), *Pendekatan Tasawuf dan Tarekat*, Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 57.

cemerlang dan berkeperibadian tinggi demi menjadi hamba dan khalifah Allah yang menjalankan amanah dan tanggungjawab di muka bumi.

#### 4.2.1 Proses Penyingkiran Akhlak *Madhmūmah* Dan Pengisian Akhlak *Maḥmūdah*

Perkaitan kedua proses penyucian jiwa yang melibatkan penyingkiran akhlak *madhmūmah* dan penggantian akhlak *maḥmūdah* melalui *adab al-riyāḍah wa al-istiṣlah* oleh al-Māwardī adalah melalui beberapa akhlak yang perlu dijauhi serta disingkirkan disebabkan keburukan dan kesannya kepada individu yang mempraktisnyanya. Begitu juga akhlak yang perlu diterapkan serta digantikan di dalam diri hasil dari penyingkiran dan pengosongan tersebut. Bagi beliau, semangat dan usaha yang kuat untuk menghasilkan akhlak baik ini juga perlu sentiasa ada di dalam diri setiap individu.<sup>14</sup>

Usaha dan latihan yang berterusan ini tidak akan dapat dilaksana melainkan dengan pengetahuan berkenaan keburukan dan kebaikan di sebalik sesuatu akhlak tersebut. Selain itu, pengetahuan mengenai penyebab dan penawarnya juga adalah antara jalan yang dapat membantu penyingkiran akhlak *madhmūmah* terutamanya supaya tidak terus bertapak di dalam jiwa manusia. Keenam-enam fasal perbincangan di dalam *adab al-riyāḍah wa al-istiṣlah* ini dimulai oleh al-Māwardī dengan akhlak yang perlu dijauhi iaitu *al-kibr* dan *al-i'jāb* (sombong dan bangga diri), *ḥusn al-khuluq* (akhlak yang baik), *al-ḥayā'* (malu), *al-ḥilm wa al-ghaḍab* (menahan marah dan marah), *al-ṣidq wa al-kidhb* (benar dan dusta) serta *al-ḥasad wa al-munāfasah* (dengki dan persaingan yang sihat).

---

<sup>14</sup> Al-Māwardī (1986), *op.cit.*,h.231.



a) *al-Kibr wa al-I'jāb*

*Al-kibr* (sombong) dan *al-i'jāb* (bangga diri), kedua-duanya wujud di dalam diri kerana kedudukan dan kemuliaan yang dimiliki.<sup>15</sup> Al-Māwardī membincangkan *al-kibr* dan *al-i'jāb* secara bersama sebagai sifat utama yang perlu dijauhi kerana kedua-duanya mempunyai perkaitan dengan kedudukan dan kemuliaan yang menjadi penyebab wujudnya dalam diri individu. Pada pandangannya, kemuliaan muncul apabila seseorang itu mempunyai kedudukan di sisi manusia dan jika ia mempunyai jiwa yang lemah, ia mudah untuk dikuasai sifat sombong dan bangga diri.<sup>16</sup> Malah beliau meyakini kedudukan dan kekuasaan yang diperolehi golongan berakhlak *madhmūmah* hanya akan menyebabkan akhlaknya yang sebenar muncul dan diketahui. Keadaan sebaliknya berlaku bagi mereka yang berakhlak *maḥmūdah* kerana mereka meyakini bahawa kedudukan dan kekuasaan yang diperolehi adalah suatu anugerah disebabkan kemuliaan mereka.<sup>17</sup> Bagi golongan kedua ini, proses penyucian jiwa dapat membantu menghilangkan rasa dimuliakan, lantas menimbulkan rasa rendah diri dan hina terutama apabila berhubungan dengan Allah Taala.<sup>18</sup>

Al-Māwardī telah menyarankan beberapa kaedah yang boleh digunakan bagi menjauhi serta mengikis sifat ini dari terus bertapak di dalam jiwa dengan menghilangkan penyebab kewujudan kedua-duanya. Kemuliaan yang diperolehi daripada kedudukan atau kelebihan yang dimiliki seseorang individu menjadikan sifat bangga diri wujud akibat daripada pujian orang di sekeliling yang disebut al-Māwardī sebagai golongan pengampu

---

<sup>15</sup> *Ibid.*, h. 236.

<sup>16</sup> *Ibid.*.

<sup>17</sup> *Ibid.*, h. 242.

<sup>18</sup> *Ibid.*, h. 236.

yang terbiasa dengan sifat kemunafikan.<sup>19</sup> Oleh kerana pujian yang diberikan ini menjadikan seseorang yang lemah jiwanya dan mengikuti tuntutan hawa nafsu, maka ia menganggap pujian tersebut sebagai suatu kebenaran yang perlu dipelihara dan dikekalkan di dalam dirinya. Justeru, perbuatannya bukan lagi didorong oleh keikhlasan, tetapi sebaliknya mengharapkan pujian masyarakat sekelilingnya.

Justeru al-Māwardī menyarankan orang yang berakal supaya sentiasa berusaha mendapatkan nasihat dan teguran serta kritikan daripada golongan orang yang benar atau dikenali sebagai *ikhwān al-ṣidq*. Golongan ini terdiri dalam kalangan mereka yang bersih hatinya dan selalu menjaga kebajikan malah menghindari celaan.<sup>20</sup> Teguran dan peringatan mereka boleh membantu orang yang bangga diri ini daripada terus mengikuti hawa nafsu yang mendorong kepada membenarkan pujian terhadap mereka malah dapat membersihkan jiwa daripada sifat ini. Setelah itu beliau memberi saranan agar menggantikannya dengan sifat kasih sayang.<sup>21</sup>

Sifat sombong yang berpunca dari kedudukan yang diperoleh serta pengaruh kuasa yang luas serta kurangnya pergaulan dengan golongan yang setaraf dengannya menyebabkan sifat ini wujud di dalam diri seseorang. Maka al-Māwardī menyarankan supaya golongan yang berkedudukan supaya mempunyai sifat tawaduk<sup>22</sup> dan rendah hati dalam usaha menangani sifat sombong daripada terus menguasai diri. Saranan bersifat tawaduk dan kasih sayang ini dinyatakan oleh al-Māwardī sebagai penyelesaian yang boleh diwujudkan dengan mengambil pelajaran dari kisah-kisah terdahulu berkenaan orang yang sombong dan bangga diri serta balasan yang mereka dapati akibat dari kedua sifat ini.

---

<sup>19</sup> *Ibid.*, h. 239.

<sup>20</sup> *Ibid.*, h. 241.

<sup>21</sup> *Ibid.*

<sup>22</sup> *Ibid.*

## **b) *Husn al-Khuluq***

*Husn al-khuluq* atau akhlak yang mulia secara umumnya merujuk kepada setiap perbuatan yang baik dan mulia. Penerapan nilai-nilai akhlak yang mulia di dalam diri individu memerlukan latihan supaya ia benar-benar menjadi sebahagian daripada diri. Penekanan ini adalah kerana nilai-nilai akhlak yang mulia ini akan terjejas jika pemiliknya tidak benar-benar memahami dan menghayati nilai tersebut.

Al-Māwardī pada permulaan perbincangan mengenai akhlak mulia secara umumnya telah menyatakan beberapa pandangan antaranya oleh al-Aḥnaf bin Qays yang menerangkan bahawa penyakit di atas segala penyakit ialah akhlak yang tercela dan perkataan yang keji. Selain itu dinyatakan juga pendapat ahli bahasa dan hukama' bahawa orang yang buruk tingkah laku akan sempit rezeki dan dengan berakhlak yang mulia akan mewujudkan ketenangan dan kedamaian. Jika keadaan sebaliknya, ia hanya akan meresahkan pemiliknya serta menghadapi kesulitan. Justeru, penekanan kepada pemilikan dan penghayatan akhlak yang mulia ini bertujuan untuk memelihara diri daripada akhlak yang tercela yang boleh berlaku dengan sebab-sebab yang mendatang. Sebab mendatang terdiri daripada satu sebab umum yang timbul akibat daripada tujuh sebab khusus yang kewujudannya tidak disebabkan oleh orang lain tetapi diri individu itu sendiri. Sifat benci sebagai sebab umum yang boleh merubah perilaku akhlak seseorang daripada baik kepada buruk menurut al-Māwardī wujud kerana tujuh keadaan yang berlaku pada diri individu

tersebut iaitu lingkungan tempat tinggal, pengasingan diri, kekayaan, kemiskinan, dukacita, penyakit dan usia tua.<sup>23</sup>

Berdasarkan sebab-sebab yang menjadi faktor pendorong kepada perubahan akhlak ini, jelas menunjukkan bahawa akhlak yang mulia ini merupakan suatu yang penting untuk dilatih supaya terus bertapak kukuh di dalam jiwa individu Muslim serta tidak mudah goyah.

Selain itu, penekanan al-Māwardī supaya akhlak yang mulia ini benar-benar dihayati dan diamalkan di dalam kehidupan seharian adalah bertujuan supaya individu ini tidak bersifat dengan *dhū al-wajhayn* atau talam dua muka. Walaupun begitu, dalam usaha untuk memperoleh akhlak yang mulia ini, al-Māwardī tidak menolak bahawa kadangkala individu yang sedang menjalani proses latihan untuk berakhlak mulia tidak terlepas daripada sifat ini. Ia adalah kerana dalam proses mencari pengalaman kebaikan dan keburukan itu akan datang silih berganti.<sup>24</sup>

Sifat talam dua muka ini perlu disingkirkan daripada dalam diri kerana akhlak yang mulia ini mempunyai batasan dan had yang tidak boleh dilanggar. Sifat ini dilihat melanggar batasan akhlak yang mulia dan menyimpang daripada kemuliaan akhlak tersebut dan disifatkan oleh al-Māwardī sebagai suatu perbuatan yang tercela dan bersifat dengan sifat munafiq.<sup>25</sup> Ini kerana ia memperlihatkan dua keadaan yang berbeza mengikut situasi yang sedang dihadapinya. Kesan daripada sifat talam dua muka dan juga perubahan akhlak ini, individu tersebut tidak akan memperoleh faedah daripada akhlak mulia antaranya kehidupan yang tenang serta orang di sekelilingnya merasa selamat, sahabat yang ramai dan

---

<sup>23</sup> *Ibid.*, h. 244-246.

<sup>24</sup> *Ibid.*, h. 234.

<sup>25</sup> *Ibid.*

musuh yang sedikit, memperoleh kemudahan dalam segala urusan dan melembutkan hati orang yang marah.

Justeru, setiap individu perlu berusaha untuk menerapkan nilai-nilai akhlak yang mulia di dalam diri serta berusaha untuk meninggalkan sifat tamam dua muka dalam bermuamalah sesama manusia.

### c) *Al-Ḥayā'*

*Al-Ḥayā'* (malu) merupakan salah satu akhlak *maḥmūdah* yang perlu wujud di dalam diri setiap individu Muslim. Malu merupakan antara suatu adab yang perlu ada di dalam diri individu kerana ia merupakan salah satu daripada ciri kebaikan dan mempunyai perkaitan yang kukuh dengan keimanan seseorang.<sup>26</sup> Oleh itu, individu yang terbangun dan terdidik keimanan yang kukuh di dalam jiwanya akan terlahir sifat malu di dalam dirinya.

Al-Māwardī telah membahagikan malu kepada tiga iaitu malu kepada Allah Taala, malu kepada sesama manusia dan juga malu kepada diri sendiri.<sup>27</sup> Setiap individu perlu berusaha untuk melatih diri untuk menguasai ketiga-tiga bahagian malu ini kerana tahap kesempurnaan malu itu hanya akan dapat dicapai apabila seseorang individu telah memiliki ketiga-tiganya.<sup>28</sup> Permulaan malu merujuk kepada pembinaan hubungan manusia dengan Allah S.W.T. iaitu dengan menjalankan setiap perintah Allah dan menjauhi setiap larangan Allah dalam erti kata yang boleh difahami sebagai tunduk dan patuh pada setiap perintah Allah terhadap hamba-hambaNya. Keakuran dan kepatuhan kepada segala perintah Allah

---

<sup>26</sup> *Ibid.*, h. 247.

<sup>27</sup> *Ibid.*, h. 248.

<sup>28</sup> *Ibid.*, h. 250.

ini melambangkan rasa malu yang wujud di dalam diri individu, malah ia turut melambangkan kaitan keimanan seseorang dengan sifat malu ini. Malu kepada Allah merupakan lambang kepada kekuatan agama dan keyakinan yang ada pada diri seseorang Mukmin.<sup>29</sup>

Malu kepada sesama manusia bermula dengan menahan diri dari menyakiti orang lain. Ia boleh difahami dengan kepentingan menjaga hubungan sesama manusia dengan rasa hormat dan kasih sayang kerana ia dapat mengelakkan seseorang daripada menyakiti orang lain. Selain itu, seseorang individu perlu meninggalkan perbuatan buruk yang dilakukan secara terang-terangan kerana ia juga merupakan salah satu daripada ciri malu kepada manusia. Malu kepada sesama manusia ini memperlihatkan kesempurnaan peribadi.<sup>30</sup> Untuk memperoleh kesempurnaan malu, individu juga harus mempunyai rasa malu kepada diri sendiri. Ia dapat diwujudkan dengan penjagaan diri dan pemeliharaan khalwah.

Malu kepada diri sendiri merupakan bahagian dari keutamaan diri dan kemuliaan hati seseorang individu.<sup>31</sup> Berdasarkan tunjang utama malu yang terhasil daripada keimanan kepada Allah, maka ia juga secara tidak langsung dapat menghasilkan rasa malu kepada diri sendiri dengan penjagaan diri. Penjagaan diri dapat difahami juga dengan hakikat malu kepada Allah dan manusia iaitu dengan memelihara diri daripada melakukan perkara-perkara yang dilarang oleh Allah dan memelihara diri dari menyakiti manusia lain.

Justeru, usaha menyempurnakan ketiga-tiga jenis malu ini di dalam diri individu haruslah bermula dengan rasa keimanan kepada Allah Taala. Keterkaitan antara ketiga-tiga

---

<sup>29</sup> *Ibid.*, h. 248.

<sup>30</sup> *Ibid.*, h. 249.

<sup>31</sup> *Ibid.*, h. 250.

jenis malu ini juga menunjukkan kesempurnaan yang terhasil dari keimanan yang kukuh kepada Allah.

#### d) *Al-Ḥilm wa al-Ghaḍab*

Sifat *al-ḥilm* (menahan diri ketika marah) dan *al-ghaḍab* (marah) merupakan gandingan akhlak *maḥmūdah* dan akhlak *madhmūmah* yang mana sifat *madhmūmah* itulah yang perlu disingkirkan, manakala yang menjadi sifat *maḥmūdah* itu perlu dididik untuk menjadi pengganti. Menurut al-Māwardī, menahan marah dengan menguasai serta memelihara diri ketika memuncaknya kemarahan merupakan akhlak orang yang berakal.<sup>32</sup>

Sifat marah telah dinyatakan sebagai suatu sifat yang perlu dikawal supaya tidak menguasai diri. Justeru, untuk menahan kemarahan, al-Māwardī telah menggariskan sepuluh sebab atau motivasi yang dapat membantu seseorang menahan marah apabila berlakunya sesuatu yang mendorong kepada timbulnya kemarahan. Sepuluh motivasi tersebut yang terdiri daripada kasih sayang terhadap orang yang jahil, kemampuan dan keupayaan memberi pertolongan, menjauhi celaan, suka merendahkan orang yang melakukan kesalahan, malu untuk membantah suatu jawapan, menahan diri untuk tidak mencela, takut kepada akibat dari suatu jawapan yang diberikan, memelihara kebaikan yang pernah dilakukan oleh orang lain dan kelicikan memanfaatkan kesempatan yang tersembunyi.<sup>33</sup>

---

<sup>32</sup> *Ibid.*, h. 252.

<sup>33</sup> *Ibid.*, h. 252-255.

Al-Māwardī berpendapat, pada hakikatnya kesemua motivasi atau sebab pendorong ini lahir daripada beberapa sifat yang telah tersedia di dalam jiwa seseorang. Antaranya ialah sifat lemah lembut dan suka kepada kebaikan yang melahirkan rasa kasih sayang terhadap orang yang jahil. Selain itu, lambang kepada kesempurnaan peribadi dan perisai diri melahirkan rasa malu untuk membantah sesuatu yang lahir daripada kejahilan. Apa yang ditekankan oleh beliau ialah orang jahil memerlukan tunjuk ajar dari orang yang berilmu dan apabila ia melakukan kesalahan, teguran yang baik adalah merupakan petunjuk yang harus diberikan oleh orang yang berilmu dan bukannya kemarahan. Ia juga merupakan sebuah pertolongan yang lahir daripada sikap berlapang dada dan percaya kepada kebaikan yang akan diperoleh.<sup>34</sup>

Seseorang yang menjauhi celaan, menurut al-Māwardī akan dapat menahan marah kerana kemuliaan hati dan pada masa yang sama ia mengutamakan orang yang mencelanya demi untuk tujuan penyatuan dan persahabatan. Di samping itu, kemahuan yang tinggi untuk menahan diri dari kebiasaan mencela dapat menahan seseorang untuk tidak mencela ketika marah.<sup>35</sup>

Menahan kemarahan terhadap seseorang yang pernah melakukan kebaikan terhadap diri dengan mengingati kebaikan yang pernah dilakukannya akan menzahirkan rasa hormat juga sebagai membalas jasanya. Selain itu, seseorang yang mempunyai kecerdasan akal fikiran akan dapat menahan kemarahan kerana sifat marah hanya akan terzahir akibat daripada kurang penelitian dan pemikiran pada sebab dan akibat yang bakal diperoleh jika

---

<sup>34</sup> *Ibid.*, h. 252.

<sup>35</sup> *Ibid.*, h. 252-254.



menuruti kemarahan diri. Fikiran yang rasional akan membuatkan seseorang berfikir dan meneliti terlebih dahulu sebab yang menimbulkan kemarahannya.<sup>36</sup>

Walaupun begitu, pada pandangan al-Māwardī terdapat dua sebab yang masih dapat menahan kemarahan walaupun ia lahir daripada kelemahan jiwa seseorang serta sifat sombong dan bangga dirinya.<sup>37</sup> Penekanan yang diberikan oleh beliau adalah terhadap penyebab untuk menahan marah yang boleh didorong oleh sepuluh sebab dan motivasi berbanding kemarahan yang hanya akan menghasilkan kehinaan dan kesan buruk jika tidak dikawal dengan baik.

Walau bagaimanapun, marah itu masih diperlukan dalam hal-hal tertentu kerana al-Māwardī menyatakan bahawa seseorang yang tidak marah atau sama keadaannya apabila disebut sesuatu yang boleh mendatangkan kemarahan adalah orang yang mempunyai jiwa yang lemah dan kurang optimis serta hilang keutamaan jiwa serta mengundang kehinaan.<sup>38</sup> Akan tetapi, menurut beliau lagi adalah lebih baik jika kemarahan memuncak, maka seseorang cuba berlatih untuk meneguhkan hatinya menahan kemarahan dan berusaha pula untuk mengalihkannya kepada hal-hal lain yang lebih baik. Saranan ini adalah bertujuan supaya tidak timbul akibat yang lebih buruk jika menuruti kemarahan. Dalam hal ini, al-Māwardī lebih menyarankan bahawa seseorang itu tidak menuruti hawa nafsu.<sup>39</sup>

Berbeza keadaan dengan kemarahan terhadap orang jahil atau orang yang suka melakukan kejahatan seperti menyakiti hati orang lain. Al-Māwardī menyarankan supaya berpaling dan menjauhi golongan seperti ini dan mengalihkan kemarahan kepada hal-hal

---

<sup>36</sup> *Ibid.*, h. 255.

<sup>37</sup> *Ibid.*, h. 253, 255.

<sup>38</sup> *Ibid.*, h. 256.

<sup>39</sup> *Ibid.*, h. 257.

lain yang lebih bermanfaat. Cara ini dapat mengelakkan seseorang itu dari kehinaan sifat marah dan pada waktu yang sama dapat menghindarkan diri dari bertindak luar dari batasan yang sepatutnya kerana tidak dapat menahan kemarahan.<sup>40</sup>

Kesan daripada kemarahan dan kebencian yang dituruti itu adalah lebih buruk berbanding kemarahan itu sendiri jika ia dituruti kerana akan mewujudkan beberapa kesan negatif antaranya kebenaran akan terhalang, lemah dalam memikirkan dengan teliti sebab dan pendorong kemarahannya sehingga ia akan menjadi bingung dan sempit fikirannya.<sup>41</sup> Oleh kerana kesan yang dibawa oleh kemarahan ini lebih besar serta melahirkan kebencian malah menjadikan seseorang individu itu tidak dapat berfikir secara waras kerana dorongan kemarahan yang tidak dibendung, maka ia merupakan akhlak yang perlu disingkirkan dengan berusaha untuk menghindari dan menahan kemarahan. Motivasi dan sebab pendorong yang dikemukakan oleh al-Māwardī merupakan salah satu kaedah yang boleh dipraktikkan sebagai salah satu usaha untuk menyingkir sifat marah serta menerapkan sifat menahan marah.

Al-Māwardī juga turut menyarankan lima kaedah untuk meredakan kemarahan serta membantu mewujudkan sifat menahan marah di dalam diri. Bermula dengan saranan supaya sentiasa berzikir kepada Allah yang akan melahirkan sifat *al-khawf* yang akan mendorong kepada ketaatan, beralih kedudukan ketika marah, mengingati penyesalan yang diakibatkan oleh kemarahan dan dendam, mengingati pahala memberi maaf dan kebaikan

---

<sup>40</sup> *Ibid.*, h. 257.

<sup>41</sup> *Ibid.*

yang ada pada perdamaian dan akhirnya mengingatkan hati dan mendorong jiwa untuk selalu memberikan maaf.<sup>42</sup>

Kelima-lima kaedah yang disarankan oleh al-Māwardī perlu dilaksanakan secara praktikal terutamanya kaedah pertama yang dilihat dapat membentuk jiwa seseorang supaya lebih lunak dan dekat dengan Allah Taala.<sup>43</sup> Ia secara tidak langsung merupakan saranan utama yang lebih umum yang dapat mendorong seseorang menahan marah.

**e) *Al-Ṣidq wa al-Kadhb***

*Al-ṣidq* (benar) dan *al-kadhb* (dusta) kedua-duanya menurut al-Māwardī adalah berkaitan suatu berita atau khabar yang berkait dengan masa lalu.<sup>44</sup> Walau bagaimanapun, benar pada menyampaikan sesuatu perkara merupakan suatu akhlak *maḥmūdah* yang harus dipelihara berbanding dusta yang hanya mendatangkan mudharat kepada seseorang yang mengamalkannya.

Benar yang dinyatakan sebagai berita atau perkhabaran tentang sesuatu yang sesuai dengan kenyataannya merujuk kepada seseorang yang menyampaikan suatu hal atau keadaan seiring dengan apa yang telah berlaku.<sup>45</sup> Orang yang benar perkataannya ini menurut al-Māwardī didorong oleh beberapa faktor yang menjadi ciri-ciri penyebab ia menyatakan kebenaran dalam setiap hal yang berlaku.

---

<sup>42</sup> *Ibid.*, h. 258-260.

<sup>43</sup> Ia sebagaimana firman Allah S.W.T. di dalam Surah al-Ra'd 13:28 yang menyatakan bahawa hati-hati orang yang beriman sentiasa mengingati Allah dan hanya dengan mengingati Allah hati akan menjadi tenang.

<sup>44</sup> Al-Māwardī (1986), *op.cit.*, h. 262.

<sup>45</sup> *Ibid.*, h. 262.

Faktor pendorong kebenaran sebagaimana yang telah dinyatakan ialah *al-`aql* yang merujuk kepada keupayaan dan kemampuan akal dalam menilai manfaat dan mengetahui hakikat sesuatu kebenaran. Sebagaimana yang telah dinyatakan oleh al-Māwardī di dalam perbincangan berkenaan kelebihan akal iaitu ia dapat membezakan kebaikan dan keburukan. Pada masa yang sama, peranan *al-dīn* sebagai pegangan seseorang juga telah menetapkan berkaitan hal menjauhi pendustaan dan menghindari kemudharatan membolehkan seseorang sentiasa mengikuti kebenaran dan menjauhi pendustaan. Seterusnya seseorang yang mempunyai *murū'ah* (harga diri) akan menjaga dan memelihara dirinya dari berbuat dusta dan menyampaikan kebenaran. Selain itu, sifat suka dan cenderung kepada kebenaran turut menjadikan seseorang itu menjauhi pendustaan.<sup>46</sup>

Ia amat berbeza dengan faktor pendorong bagi pendustaan yang dilakukan seseorang yang sudah pasti tidak mampu menggunakan akal dan tidak mempunyai pegangan agama yang kukuh kerana ia melakukan suatu larangan yang ditegah dan dinyatakan di dalam ajaran agama sebagai suatu yang perlu dijauhi. Golongan atau individu yang melakukan pendustaan ini didorong oleh kepentingan diri sendiri iaitu manfaat yang akan diperolehinya dan menolak keburukan yang akan menyimpannya. Pendustaan ini dilakukan bertujuan untuk menyelamatkan diri dari sesuatu perkara yang ditakutinya.<sup>47</sup>

Banyak berbicara dan menghiasi perbincangan dan perkataan dengan pendustaan juga merupakan faktor pendorong yang melambangkan kehinaan nafsu dan kerendahan cita-cita seseorang. Pendustaan yang diselang selikan di dalam perkataannya dilihat sebagai pemanis

---

<sup>46</sup> *Ibid.*, h. 262-263.

<sup>47</sup> *Ibid.*, h. 263.

perbicarannya. Dendam yang disebut sebagai penyakit hati yang dihasilkan dari sifat marah dan hasad disebut juga sebagai salah satu faktor pendorong pendustaan.<sup>48</sup>

Larangan dan tegahan berdusta ini pada hakikatnya merupakan suatu yang seharusnya diberi perhatian kerana ia akan menjadi sebatik sebagai akhlak dan perilaku individu jika ia telah menjadi kebiasaan. Faktor pendorong keempat ini seharusnya diberi perhatian dan penekanan kerana permulaan yang sedikit akhirnya akan menjadi kebiasaan yang memudharatkan diri seseorang.

Pendustaan yang dilakukan demi menjaga kepentingan diri, yang sengaja diadakan sebagai pelengkap bicara dan berpunca dari penyakit hati akibat dendam kepada orang lain merupakan sebab yang perlu disingkirkan kerana jika ketiga-tiga faktor pendorong ini yang akan menyebabkan faktor pendorong keempat iaitu kebiasaan melakukan pendustaan. Walau bagaimanapun, di dalam menyatakan suatu kebenaran, adalah menjadi suatu galakan dan keperluan supaya menjauhi beberapa perkara yang mendatangkan keburukan dan membuka keaiban orang lain iaitu *al-ghībah* (umpatan), *al-namīmah* (adu domba) dan juga *al-si'āyah* (fitnah). Permulaan ketiga-tiga perkara ini adalah umpatan yang merupakan pengkhianatan dan pendedahan keburukan orang lain secara sembunyi yang berpunca daripada dengki dan perlanggaran janji. Ia disusuli oleh *al-namīmah* atau adu domba yang menyampaikan hinaan dan umpatan oleh si pengumpat kepada orang yang diumpat sehingga berlaku perpecahan hubungan dua pihak dan akhirnya mewujudkan permusuhan dan kebencian antara dua pihak yang dilagakan. Kedua-dua keburukan ini akhirnya disatukan dengan *al-si'āyah* iaitu fitnah yang menimbulkan

---

<sup>48</sup> *Ibid.*, h.264.

ancaman kepada jiwa dan harta serta mendatangkan keaiban kepada kedudukan dan status seseorang.<sup>49</sup>

Oleh kerana keburukan yang dihasilkan oleh pendustaan dan dari kebenaran yang tercela ini menimbulkan suatu kemudharatan, orang yang berdusta haruslah berusaha melatih diri untuk mengubah akhlak *madhmūmah* ini sekaligus menyingkirkannya dari terus bersemadi di dalam jiwa.

#### **f) *Al-Ḥasad wa al-Munāfasah***

*Al-ḥasad* (dengki) dinyatakan oleh al-Māwardī sebagai akhlak *madhmūmah* yang menjadi penyebab kemudharatan pada jasad dan kerosakan pada agama. Selain itu, sifat dengki ini merupakan suatu sifat yang hina yang menafikan kasih sayang sesama manusia. Orang yang dengki juga sering berada di dalam keadaan gelisah dan tertekan. Oleh kerana kemudharatan dan keburukan yang dibawa oleh sifat ini begitu jelas, maka menjadi suatu kewajipan dan keperluan ke atas seseorang individu menjauhi dan cuba menyingkirkan sifat dengki ini dari terus bertapak di dalam diri.<sup>50</sup>

Orang yang dengki ini pada hakikatnya mempunyai hati yang sentiasa berada di dalam kesedihan kerana kelebihan dan kebaikan yang diperolehi oleh orang lain. Selain itu, faktor pendorong utama yang dapat dilihat secara umumnya pada orang yang bersifat dengki ini ialah kebencian. Kebencian ini tertumpu kepada seseorang dan juga nikmat yang diperoleh. Oleh kerana itu, kedengkian yang didorong oleh kebencian terhadap orang yang

---

<sup>49</sup> *Ibid.*, h. 266-268.

<sup>50</sup> *Ibid.*, h.269.

didengkinya akhirnya menyebabkan sifat dengki ini muncul apabila melihat kebahagiaan dan kejayaan yang diperoleh orang yang didengkinya. Selain itu, ia turut didorong penzahiran nikmat pada orang yang didengkinya kerana merasakan dirinya telah didahului dan ia sepatutnya memperoleh nikmat tersebut berbanding orang yang didengkinya. Sifat orang yang dengki ini ialah menahan sesuatu yang menjadi miliknya iaitu bakhil dan pada waktu yang sama mempertahankan suatu yang bukan miliknya. Oleh itu, wujud sifat dengki di dalam dirinya kerana kurangnya kelebihan yang diperoleh berbanding orang lain.<sup>51</sup>

Berdasarkan faktor pendorong sifat dengki ini, al-Māwardī telah menyarankan cara mengubati sifat ini dengan meningkatkan usaha untuk mencegah dan menghindari kemudharatan dan permusuhan yang ditimbulkan. Ini kerana kesan buruk yang akan terhasil daripada sifat ini ialah membalas dendam kerana rasa tidak puas hati yang wujud dalam diri orang yang dengki. Selain itu juga, orang yang dengki dengan kenikmatan yang diperoleh orang lain ini pada hakikatnya tidak menerima ketentuan Allah kepadanya kerana ia tidak menerima ketetapan dan qada Allah yang telah ditetapkan padanya. Oleh itu, al-Māwardī menyarankan orang yang disaluti sifat dengki ini pada dirinya supaya berusaha mentaati perintah agama pada tegahan menjauhi sifat dengki serta bertaubat kepada Allah seterusnya melaksanakan tingkah laku yang baik dan meninggalkan sifat ini. Ia merupakan suatu proses latihan yang berterusan bagi menyingkirkan sifat ini.<sup>52</sup>

Selain itu, ia juga perlu mengikut petunjuk akal yang sihat pada memikirkan natijah yang dibawa oleh sifat dengki iaitu kehinaan. Seterusnya, berusaha menghindari kemudharatan sifat dengki ini dengan menyedari asal sifat tersebut yang berpunca daripada

---

<sup>51</sup> *Ibid.*, h. 270-271.

<sup>52</sup> *Ibid.*, h. 272.

dirinya sendiri serta meyakini kebahagiaan yang bakal diperoleh dengan meninggalkan sifat dengki.

Apa yang perlu dilakukan oleh orang yang bersifat dengki ini ialah memperbaiki hubungan dengan masyarakat sekeliling kerana dengan cara ini rasa takut dengan pengasingan dan permusuhan terhadapnya yang membinasakan diri dan hartanya dapat dielakkan. Pada masa yang sama juga, orang yang dengki ini haruslah menerima ketentuan Allah S.W.T. kepada dirinya dengan redha serta menyerahkan urusan takdir kepada Allah S.W.T.<sup>53</sup>

Ketenangan akan diperoleh jika seseorang itu menyingkirkan sifat dengki dan cuba menerima seadanya dan berusaha memperoleh suatu kenikmatan dengan usaha dan tawakal kepada Allah S.W.T. Al-Māwardī juga menyebut bahawa persaingan yang sihat dalam kebaikan dengan menuntut persamaan dengan kelebihan tanpa menimbulkan kemudharatan pada orang lain.<sup>54</sup>

#### **4.2.1 Kepentingan *Adab al-Riyāḍah wa al-Istīṣlah* Dalam Pembangunan Modal Insan**

Perbahasan sebelum ini merujuk kepada penyingkiran akhlak *madhmūmah* dan pengisian akhlak *maḥmūdah* ke dalam diri setiap individu Muslim. Perkaitannya adalah merujuk kepada pembangunan rohani insan dalam usaha pembangunan modal insan yang benar-benar terpelihara akhlak dan tingkahlakunya. Kesemua enam fasal yang telah

---

<sup>53</sup> *Ibid.*, h. 273.

<sup>54</sup> *Ibid.*, h. 270.



dibincangkan dapat dibahagikan sebahagiannya termasuk di dalam akhlak *maḥmūdah* dan sebahagiannya termasuk di dalam kategori akhlak *madhmūmah*.

Kategori akhlak *madhmūmah* yang perlu disingkirkan menurut al-Māwardī ialah adab yang perlu dijauhi iaitu sombong dan bangga diri, marah, dusta dan dengki. Di dalam usaha pembangunan modal insan yang terbina dari sudut rohaninya, kelima-lima akhlak ini haruslah dilatih untuk menyingkirkannya supaya tidak wujud pada diri setiap individu. Ini kerana kelima-lima akhlak ini membawa kemudharatan dan kehinaan kepada pemiliknya dari sudut hubungan dengan Allah dan juga sesama manusia.

Sebagaimana yang telah dinyatakan oleh al-Māwardī bahawa orang yang sombong dan bangga diri ini lupa pada asal usul kejadiannya, hilangnya kewarasan orang yang menuruti hawa nafsunya dengan kemarahan, kebiasaan dusta sehingga hilangnya kepercayaan orang sekeliling dan tidak bersyukur serta menerima qadha dan ketetapan Allah pada dirinya kerana sifat dengki. Maka, adalah menjadi suatu kekurangan apabila insan yang terbentuk memiliki kelima-lima jenis akhlak ini yang hanya merendahkan martabat seorang insan di sisi manusia serta pada waktu yang sama jiwa insan ini pada hakikatnya jauh dari Allah.

Walau bagaimanapun, saranan untuk menyingkirkan akhlak *madhmūmah* ini dari dalam diri adalah dengan menggantikan ia dengan akhlak *maḥmūdah* iaitu sombong digantikan dengan tawaduk, bangga diri dengan kasih sayang, marah dengan menahan marah, dusta dengan benar dan dengki dengan persaingan yang sihat.

Kategori akhlak *maḥmūdah* yang ditekankan oleh al-Māwardī ialah akhlak yang baik, malu, menahan marah, benar dan persaingan yang sihat. Kelima-lima akhlak ini

penting dan perlu wujud di dalam diri setiap insan. Ia sekaligus dapat membina insan yang cemerlang dari sudut akhlak dan mempunyai hubungan yang baik sesama insan dan ia juga melambangkan jiwa yang bersih dan dekat dengan Pencipta kerana setiap perlakuan ini di dasari oleh rasa takut pada Allah.

Ini kerana, individu yang memiliki akhlak yang baik akan merasa malu untuk melakukan kemaksiatan dan melaksanakan perintah Allah dengan taat. Pada masa yang sama juga sifat menahan marah hanya akan dapat dilaksanakan oleh individu yang berfikiran rasional dan tidak menuruti hawa nafsu. Begitu juga kebenaran yang hanya akan diungkapkan oleh individu yang pada asasnya memiliki pegangan agama dan akal yang sihat serta berkeperibadian yang mulia. Pada waktu yang sama, individu yang bersyukur serta menerima qadha dan ketentuan Allah padanya tidak akan mempunyai perasaan dengki malah bersyukur serta bersaing secara sihat untuk memiliki sesuatu dalam erti kata ia berusaha untuk memperolehnya.

Walaupun begitu, dalam membentuk akhlak *mahmūdah* ini ia masih perlu kepada latihan dan pemulihan supaya ia tetap teguh menjadi suatu akhlak yang baik. Ini kerana, terdapat beberapa akhlak yang masih boleh berubah dengan sebab-sebab yang mendatang seperti akhlak yang baik boleh berubah jika sesuatu kebencian wujud di dalam diri atas musibah yang menimpa.

### **4.3 KESIMPULAN**

Dalam pembangunan modal insan yang menitik beratkan sudut kerohanian yang dapat membantu penghasilan akhlak yang mulia dan terpuji, al-Māwardī telah

menggariskan suatu adab yang memberi perhatian khusus kepada usaha ini. *Adab al-riyāḍah wa al-istiṣlah* yang diketengahkan ini dilihat dapat membantu pembentukan akhlak *maḥmūdah* dan penyingkiran akhlak *madhmūmah* bersandarkan kepada saranan dan kaedah menurut al-Māwardī. Ia melibatkan penyingkiran akhlak *madhmūmah* yang tidak diperlukan dalam membentuk modal insan yang benar-benar mengikut acuan ajaran Islam itu sendiri seperti yang dibawa oleh Nabi Muhammad s.a.w. serta pengisian dan usaha mendidik akhlak *maḥmūdah* dalam diri setiap individu Muslim.